



KENYATAAN MEDIA

MISI KHAS MYAQSA UNTUK MENDAKWA ISRAEL DI MAHKAMAH JENYAH ANTARABANGSA (ICC).

“MENJEJAKI MANGSA DAN SAKSI KEZALIMAN ISRAEL DI BUMI BAITULMAQDIS”

1. Sidang Media ini diadakan khusus untuk melaporkan inisiatif terbaru MyAQSA dalam kerangka untuk mendesak Mahkamah Jenayah Antarabangsa mendakwa Israel di atas jenayah perang dan jenayah kemanusiaan serta pelanggaran berterusan Resolusi 2334 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
2. Sebagai menyambut saranan pihak Mahkamah Jenayah Antarabangsa sendiri kepada MyAQSA sewaktu pertemuan bersama di The Hague, Belanda pada bulan Mei yang lalu untuk mengenalpasti saksi-saksi yang boleh digunakan sewaktu pendakwaan nanti. MyAQSA telah mengambil inisiatif untuk menghantar satu delegasi khas seramai 10 orang ke Tebing Barat, Palestin pada awal bulan Oktober baru-baru ini.
3. Delegasi Khas MyAQSA ini terdiri daripada beberapa orang peguam, penterjemah bahasa dan kru media. Delegasi ini telah pergi ke kawasan penempatan Palestin yang seringkali berhadapan dengan tindakan perobohan pihak Israel iaitu di Wadi Al-Hummus, Issawiyya dan At-Tur (Bukit Zaitun). Kesemua tempat ini berada di dalam kawasan Baitulmaqdis, Tebing Barat, Palestin.
4. Kami telah berada di Baitulmaqdis selama tiga hari untuk bertemu secara terus dengan mangsa, mengumpul bukti dan mengambil keterangan secara langsung mengenai aktiviti jenayah kemanusiaan (*Crimes Against Humanity*) yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap mereka.

5. Selama berada di sana, kami sempat bertemu dan menemurahkan lebih 20 orang mangsa dan pemilik tanah Palestin yang sah di mana rumah mereka dirobuhkan oleh rejim Israel secara zalim. Keterangan mereka telah diambil secara terperinci dan dirakamkan agar bukti ini dapat dibawa untuk perhatian dan tindakan Pejabat Pendakwaraya, Mahkamah Jenayah Antarabangsa.
6. Delegasi Khas MyAQSA berpandangan bahawa rejim Israel telah mengamalkan satu cara yang sistematik dan terancang untuk mengubah demografi kawasan yang didudukinya secara haram (*illegal occupation*) dengan cara salah. Pihak kami kini sedang dalam proses pengumpulan data lanjut untuk mengukuhkan kes jenayah ini terhadap Israel.
7. Dalam kes yang berlaku di Wadi Al-Hummus, kebanyakan rumah milik rakyat Palestin yang dirobuhkan diberikan alasan atas faktor keselamatan kerana kedudukan rumah mereka terletak berhampiran dengan tembok pemisah (haram) yang dibina oleh Israel secara tidak sah. Sebagai rekod, pada tahun 2004, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) telah mengisytiharkan bahawa pembinaan tembok pemisah Israel adalah tidak sah disisi undang-undang dan perlu dihentikan pembinaannya.
8. Pasukan kami dimaklumkan bahawa kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan di sekitar pembinaan tembok haram dibuat secara arbitrari dan tidak diberi justifikasi kepada tuan tanah rakyat Palestin. Berbagai sekatan tidak munasabah dikenakan ke atas pemilik rumah agar akhirnya sebahagian mereka terpaksa berpindah keluar. Alasan undang-undang pembinaan tanpa permit seringkali digunakan untuk merobuhkan rumah mereka tanpa sebarang pampasan. Akibatnya, bukan sahaja kawasan itu tidak boleh diduduki, malahan pemilik tanah terpaksa pula membayar ganti rugi kepada kerajaan rejim Israel. Akhirnya, ada yang terpaksa merempat di rumah lain di luar perkampungan mereka sendiri.
9. Manakala di Issawiyya dan At-Tur, penduduk asal Palestin di situ sentiasa berhadapan dengan suasana kehidupan yang kerap diganggu (*under harassment*). Kami dimaklumkan mereka sentiasa berhadapan dengan ancaman perobohan rumah kediaman, serbuan dan penggeledahan rumah yang kerap berlaku serta penangkapan dan penahanan tanpa sebab oleh pihak berkuasa Israel pada bila-bila masa. Malah, ada yang mendakwa bahawa rumah mereka dirobuhkan setelah ahli keluarga mereka

ditangkap dan dipenjarakan oleh pihak berkuasa Israel. Suasana sebegini dilihat sengaja dirancang secara sistematik oleh rejim Israel untuk menjadikan penduduk Palestin di kawasan tersebut terpaksa berpindah keluar untuk mencari penempatan baru di kawasan lain.

10. Pasukan kami juga dapat menyaksikan bagaimana kawasan yang didiami oleh penduduk Palestin nampak agak daif dengan jalan yang teruk, sempit dan kekurangan prasarana serta kemudahan awam. Sementara di kawasan-kawasan penempatan dan perumahan yang baru, kemudahan serba lengkap telah dibina khas untuk kaum yahudi sahaja. Ini adalah amalan untuk meningkatkan nisbah penduduk Yahudi berbanding penduduk Palestin selain untuk mengubah demografik secara tidak adil, salah dan melanggar undang-undang antarabangsa yang terpakai ke atas Israel yang menduduki kawasan secara haram (*illegal occupation*).
11. Kesimpulannya, hasil tinjauan dan penyelidikan pasukan kami secara terus di lapangan mendapati bahawa terdapat bukti dan keterangan yang sangat kukuh untuk mensabitkan Israel di atas kesalahan melakukan Jenayah Terhadap Kemanusiaan (*Crimes Against Humanity*) ke atas rakyat Palestin yang merupakan salah satu jenayah yang diperuntukkan di dalam Statut Rom, Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Pada masa yang sama, pelanggaran Resolusi 2334 oleh Israel adalah sesuatu yang sangat nyata dan jelas apabila mereka secara berterusan membina penempatan baru untuk kaum Yahudi di tanah milik rakyat Palestin. Sedangkan menurut Resolusi 2334 yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB pada tahun 2016, Israel telah diminta untuk menghentikan serta merta kesemua aktiviti penempatan baru untuk penduduk Yahudi di bumi Palestin.
12. MyAQSA kini sedang menyiapkan satu laporan lengkap terhadap dapatan kami ini dan akan menyerahkannya kepada pejabat Pendakwaraya, Mahkamah Jenayah Antarabangsa di The Hague, Belanda dalam masa yang terdekat. MyAQSA berkeyakinan bahawa dengan dapatan yang diperolehi oleh pihak kami ini, termasuk juga dengan dapatan-dapatan yang lain yang pastinya sudah diperolehi oleh pihak Mahkamah Jenayah Antarabangsa, maka pihak Mahkamah Jenayah Antarabangsa sudah tidak mempunyai banyak pilihan melainkan mereka perlu pada kadar yang segera memulakan proses pendakwaan secara rasmi ke atas rejim Israel.

13. Akhirnya, untuk kesekian kalinya, MyAQSA menyeru kepada semua masyarakat antarabangsa mahupun tempatan agar sama-sama membuat desakan dan memberi tekanan supaya Israel benar-benar dapat di bawa ke muka pengadilan. MyAQSA juga ingin mengajak badan dan pertubuhan yang lain di seluruh dunia untuk turut sama mengambil bahagian mengemukakan bukti-bukti serta laporan kezaliman Israel ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa.
14. MyAQSA berharap agar segala inisiatif yang MyAQSA usahakan ini akan memberi impak yang sewajarnya agar kezaliman dan kekejaman yang dilakukan rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin dapat diadili dengan seadilnya melalui segala peruntukan perundangan yang ada. Apa yang penting, negara Palestin dan rakyatnya perlu diberikan hak untuk wujud dengan aman dan adil manakala Baitulmaqdis dan Masjidil Aqsa perlu kekal menjadi milik umat Islam tanpa sebarang gangguan dan campurtangan Israel.

LUKMAN SHERIFF BIN ALIAS

Ketua Delegasi Khas MyAQSA

Yayasan MyAQSA

23 Oktober 2019M / 24 Safar 1441H

Laman Sesawang : www.myaqsa.my

Facebook : MyAQSA

Twitter : @MyAQSA_Official